

KL tumpu usaha kurang pelepasan karbon

Langkawi: Malaysia komited mernberi tumpuan terhadap usaha mengurangkan pelepasan karbon dalam sektor penerbangan sebanyak 40 peratus menjelang 2020.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata langkah itu selaras cadangan Perfubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) melalui Langkah Berasaskan Pasaran Global (GMBM).

"Sebagai usaha ke arah mencapai matlamat berkenaan, Malaysia bersama 66 negara menyatakan sokongan dengan mengambil bahagian dalam Skim Pengurangan dan Mengimbangi Karbon bagi Penerbangan Antarabangsa (CORSIA).

"Langkah ini adalah tindakan terpuji bagi mencari jalan penyelesaian secara global dalam menangani perubahan iklim dunia," katanya berucap merasmikan Sidang Kemuncak Penerbangan ASEAN di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), di sini, yang disertai delegasi mewakili Kementerian Pengangkutan negara ASEAN.

Antara topik dibincangkan, termasuk perkongsian pandangan mengikut negara, usaha melestarikan lapangan terbang dan perspektif syarikat penerbangan mengenai pelaksanaan CORSIA.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab Aziz Kaprawi dan Timbalan Pengarah ICAO, Jane Hupe. Tiong Lai berkata, beliau berharap sidang kemuncak bertemakan 'Penerbangan Mesra Alam dan Ilestari Global' itu dapat memberi peluang kepada pembangunan dan pelaksanaan skim CORSIA bagi mencapai sasaran industri penerbangan yang hijau dan mapan.

"Sidang ini berfungsi sebagai platform kepada negara ASEAN serta industri bekerjasama demi kepentingan bersama dalam inisiatif pembangunan hijau. "Kita perlu berganding bahu mengurangkan pembebasan karbon... ia bukan untuk pengangkutan udara tetapi juga demi kepentingan masyarakat amnya," katanya.

SUMBER : BERITA HARIAN | M/S: 6 | 23 MAC 2017